

Adat istiadat

☉ Tiga upacara penting iaitu mengunjungi rumah pengantin (pen paartal), adat ikat janji (niccayam) dan pemberian hadiah (parisam) adalah adat yang sering dilakukan oleh kaum India. Namun begitu ada dalam kalangan mereka yang tidak lagi melakukan upacara itu untuk mengelakkan pembaziran.


☉ Antara faktor penting diambil kira sebelum upacara perkahwinan dilangsungkan untuk mendapat kebahagiaan hidup seperti masa untuk melangsungkan perkahwinan, pengertian thaali, valatu kal, pemberian manisan, hadiah, penghormatan kepada pengantin lelaki, simbol pokok pisang, jamuan perkahwinan dan meroboh khemah perkahwinan.

☉ Thirumanan bermaksud penyatuan atau ikatan suci melalui perkahwinan antara pasangan suami isteri supaya kekal hingga ke akhir hayat.

☉ Tiga jenis perkahwinan dalam masyarakat India iaitu Vaitikat Thairumanam, Tamil Thairumanam dan Diya Thairumanam yang mana perkahwinan ini dijalankan adalah berlandaskan aspek suku kaum.

☉ Majlis perkahwinan dimulakan dengan upacara niccayam (ikat janji) dengan memberi hadiah seperti pakaian dan lain-lain.

☉ Kad undangan disapu dengan air kunyit dibawa ke kuil dalam jumlah ganjil sebagai tanda rasmi undangan perkahwinan.



Hantaran dalam jumlah ganjil.



Adat perkahwinan I

» Kepesatan dunia moden tidak gugat adat resam majlis

Oleh Fatin Hafizah Mohd Shahar
fatin@mediaprima.com.my

Malaysia kaya dengan seni, adat dan budaya yang terhasil daripada gabungan masyarakat pelbagai kaum dan etnik. Mereka didehakan dengan keunikan itu, malahan sesetengahnya menecedok adat resam dan budaya itu dalam acara tertentu seperti perkahwinan.

Akomodasi yang wujud antara etnik juga mewujudkan rasa hormat antara budaya dengan perbezaan yang ditonjolkan. Masakan tidak, terdapat sesetengah adat resam diamalkan masyarakat India mempunyai banyak persamaan dengan kebudayaan masyarakat Melayu dan boleh dilihat dalam aspek perkahwinan.

Kaum India adalah etnik ketiga terbesar di negara ini dan juga salah satu kaum menyumbang ke arah pembentukan masyarakat majmuk. Menariknya, walaupun zaman berubah dengan kepesatan dunia moden, adat perkahwinan itu

dilakukan tanpa mengetepikan sedikit pun adat resam nenek moyang mereka.

Persediaan perkahwinan
Seperti adat lain, kaum India juga mempunyai adat resam perkahwinannya tersendiri. Sebelum perkahwinan dilangsungkan, ada beberapa adat yang perlu dilakukan mengikut tuntutan dan kepercayaan agama mereka.

Menjelas lanjut mengenai-nya, Presiden Pertubuhan Pembangunan Insan Selangor, Shanta Venugopal, berkata proses persediaan majlis perkahwinan meliputi acara seperti merisik, parisam (per-tunangan), mukurta kaal dan lain-lain.

“Ikatan janji atau *niccayam* dilakukan selepas mendapat persetujuan kedua-dua pihak. Wakil lelaki akan datang ke rumah pihak perempuan dalam jumlah bilangan yang

“
SEPANJANG BEBERAPA HARI, PENGANTIN LELAKI TIDAK DIBENARKAN KELUAR ATAU MELIHAT WAJAH BAKAL PENGANTIN PEREMPUAN”

Shanta Venugopal,
Presiden Pertubuhan Pembangunan Insan Selangor



Majlis perkahwinan India kaya adat resam yang kekal diamalkan hingga hari ini.

Dua hari sebelum majlis

- ⊙ Pengantin perempuan dan lelaki tidak boleh keluar bersama.
- ⊙ Pengantin perempuan disapu dengan kunyit, kumkum, mandi air mawar dan bunga-bunga.
- ⊙ Hanya yang sudah berkahwin boleh merestui perkahwinan bakal pengantin perempuan.
- ⊙ Makan kenduri dan meriah dengan suasana muzik irama tradisional.

Sehari sebelum majlis

- ⊙ Malam berinai dan bertukar baju.
- ⊙ Pengantin hendaklah dibangunkan pada jam seawal 4 pagi untuk dimandikan.
- ⊙ Mengenakan sari yang diberikan oleh ibunya.

Sebelum pengantin perempuan naik pelamin

- ⊙ Selepas majlis mengikat thaali, pengantin perempuan perlulah mengelilingi api sebanyak sekali.
- ⊙ Pengantin perempuan perlulah meletakkan kaki mereka di atas batu giling.
- ⊙ Ia bertujuan untuk menyurungkan cincin jari kaki.
- ⊙ Sementara itu, pengantin lelaki juga perlu meletakkan jari kakinya untuk di sarung cincin oleh anak buah pengantin perempuan.
- ⊙ Tujuan sarung cincin di jari kaki lelaki untuk melambangkan mereka sudah pun berkahwin.
- ⊙ Begitu juga dengan ikatan thaali melambangkan wanita itu sudah pun dimiliki.

Kiraan dulang

- ⊙ Kiraan dulang termasuk lima, tujuh dan sembilan atau nombor ganjil dan ia disediakan oleh pihak pengantin perempuan.
- ⊙ Setiap kiraan hantaran seharusnya terdapat satu dulang mengandungi lima biji kelapa (melambangkan jumlah keluarga)
- ⊙ Satu dulang disediakan pengantin lelaki dan mengandungi barang kemas, buah, bunga dan kapur sirih serta kelapa.
- ⊙ Dulang hantaran lazimnya mengandungi bunga, kelapa, manisan dan kapur sirih.



ndia



ganjil dengan membawa beberapa barangan seperti kelapa, sirih pinang, bunga-bunga, buah-buahan, cendana dan kumkum (calitan warna merah di dahi) untuk diberikan kepada wakil perempuan.

“Sebaik tiba di rumah bakal pengantin perempuan, bapa kedua-dua pihak akan berbilang mengenai perkahwinan. Sekiranya kedua-dua belah pihak pengantin bersetuju, mereka akan mengikat janji,” jelasnya ketika ditemui pada program Kerja Kahwin Kraftangan 2013, baru-baru ini.

Pada majlis itu, orang ramai berpeluang melihat secara dekat bagaimana perkahwinan sebenar kaum India berlangsung.

Hantaran ganjil

Katanya, Parisam seumpama pertunangan dalam masyarakat Melayu. Ia adalah adat memberi hadiah kepada bakal pengantin perempuan dan terbahagi kepada dua jenis iaitu parisam biasa dan udan parisam.

“Adat ini akan diadakan pada hari sudah dipersetujui kedua-dua belah pihak. Parisam akan disediakan dalam jumlah ganjil oleh pihak lelaki. Bakal pengantin lelaki akan mengetuai rombongan membawanya ke rumah pengantin perempuan. Ketibaan rombongan bakal disambut dengan bunyian alat muzik tradisional.

“Selepas upacara sembahyang dijalankan, pengantin perempuan akan memakai kain sari diberikan pada anaknya. Sesudah itu, bakal pengantin perempuan akan dibawa keluar ke ruang tamu.

'Mukuurttta Kaal'

Menjelas lanjut, katanya adat ini dilakukan lima hari sebelum hari perkahwinan



Antara adat *majlis perkahwinan kaum India*.

dilaksanakan. Adat *mukuurttta kaal* ini diadakan pada hari yang baik mengikut firasat kaum India.

Katanya, bagi menjalankan adat itu sebatang pokok masih muda dan lurus akan ditebang untuk dijadikan *mukuurttta kaal*. Batang pokok berukuran dua atau tiga meter dan mempunyai lilitan batang antara 20 hingga 30 sentimeter digunakan.

“Adat mendirikan *mukuurttta kaal* menandakan perkahwinan akan dilaksanakan di rumah itu. Bahan digunakan lazimnya seperti sirih pinang, kum kum, kunyit dan sebagainya.

“Bakal pengantin perempuan diiringi oleh wanita sudah berkahwin untuk menyapukan kunyit cair dan kumkum pada batang kayu terbabit daripada pangkal hingga hujung. Kayu akan dipacak sedalam setengah meter dan bahan tadi dimasukkan ke dalam lubang sebagai lambang kekayaan.

“Sepanjang beberapa hari ini juga pengantin lelaki tidak dibenarkan keluar atau melihat wajah bakal pengantin

perempuan,” katanya.

Pengantin bersanding

Berkongsi cerita, Shanta memberitahu upacara perkahwinan dilakukan oleh Pedanda dengan berdoa supaya pengantin hidup bahagia hingga hari tua. Pedanda akan menabur sembilan jenis bijirin sesudah selesai acara menyarung cincin.

Pengantin lelaki akan menyarungkan kalung *thaali* diperbuat daripada tujuh benang kepada pengantin perempuan hingga paras dada. Kedua mempelai memberi hormat kepada ibu bapa atau mentua dengan mencuci kaki mereka menggunakan air susu melambangkan permohonan restu.

“Antara adat dilakukan untuk menghormati dan mendapat restu termasuklah menyerah sebiji kelapa ditebuk lubang pada bahagian atasnya,

menuang air susu ke dalamnya, memberi sirih, mencium tapak kaki ibu bapa (membasuh kaki ibu bapa), memberi hadiah *dhoti* (bapa mertua), sari (ibu mertua) dan wang.

“Biasanya pasangan pengantin akan bertukar-tukar kalungan bunga sebanyak tiga kali dan berkongsi minum air susu bercampur pisang di dalam satu gelas. Upacara ini menandakan pasangan ini secara rasmi menjadi suami isteri.

